

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Sempadan negara dibuka mulai 1 April

Keputusan berpandukan fakta terkini COVID-19, selain beri keselesaan untuk pengembara

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Nasaruddin Parzi dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan membuka sempadan negara bermula 1 April ini, dibuat kerajaan berdasarkan tiga perkara iaitu berpandukan sains dan fakta terkini berkaitan COVID-19, membandingkan keperluan pembukaan sempadan di negara lain serta keselesaan pengembara yang Malaysia kini adalah destinasi terbuka kepada semua, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, susulan pembukaan semula sempadan negara, rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah, kini boleh keluar masuk negara seperti biasa serta dibenarkan untuk pergi ke mana-mana negara yang turut membuka pintu sempadannya kepada pengembara luar.

"Rakyat negara luar dengan dokumen perjalanan sah juga boleh melakukan pergerakan keluar masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon MyTravelPass yang akan dimansuhkan."

"Sebaliknya, hanya perlu muat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera serta melengkapkan Pre-Departure Form melalui fungsi Traveller dalam MySejahtera," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Ismail Sabri berkata, berikutan gelombang Omicron COVID-19 masih melanda negara, ada beberapa prosedur wajib dipatuhi sama ada rakyat Malaysia sendiri, mahupun pengembara



Ismail Sabri pada sidang media khas di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

luar yang ingin masuk ke negara ini.

"Bagi yang sudah menerima vaksinasi lengkap, tiada keperluan menjalani sebarang tempoh kuarantin dan hanya perlu melalui ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR dua hari sebelum berlepas serta ujian RTK-Ag (profesional) dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan."

"Bagi status vaksinasi lain seperti tidak menerima vaksin atas sebab perubatan dan tidak menerima sebarang vaksinasi, Menteri Kesihatan akan memperincikan prosedurnya untuk makluman umum esok (hari ini)," katanya.

Ismail Sabri berkata, kementerian yang berkaitan juga akan mengeluarkan senarai prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan negara ini secara lebih terperinci pada waktu ter-

dekat, terutama berhubung prosedur di pintu masuk antara-bangsa darat dan laut.

"Saya juga ingin memaklumkan, bagi negara luar yang masih menutup pintu sempadannya, rakyat masih boleh memanfaatkan kaedah Vaccinated Travel Lane (VTL) yang dipersetujui Kerajaan Malaysia dengan negara yang terbahit," katanya.

Susulan pengumuman langkah itu, Perdana Menteri berharap ia akan merancakkan semula ekonomi negara secara keseluruhan, khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik.

"Diharapkan rakyat yang ingin memanfaatkan pembukaan sempadan negara dapat melaksanakan senarai prosedur operasi standard (SOP) keselamatan diri, orang sekeliling serta negara secara keseluru-

hannya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata dengan pembukaan semula sempadan negara ini, Malaysia akan terus berada pada landasan tepat untuk pemulihan ekonomi negara yang diunjur berkembang antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus untuk tahun ini.

"Saya berharap SOP yang ditetapkan oleh kerajaan, terutamanya di pintu sempadan darat dan air seperti di pintu sempadan Johor-Singapura tidak membebankan dan senang difahami orang ramai."

"Saya juga ingin menegaskan kepada semua yang ingin menggunakan kemudahan pembukaan semula ini supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

'Masih wajib pakai pelitup muka di tempat awam'

Dari Muka 1

Yang turut hadir, Menteri Kuartet COVID-19 iaitu Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pemakaian pelitup muka di tempat awam masih wajib dipatuhi oleh setiap individu.

Pendaftaran kemasukan menggunakan MySejahtera juga masih diwajibkan dan hanya

dikecualikan untuk kawasan terbuka, tidak sesak dan tiada perhimpunan orang ramai, manakala MYS/Trace juga diwajibkan untuk tempat tertutup yang dipenuhi tetamu/pengunjung.

Perdana Menteri juga mengumumkan had kapasiti pekerja yang sebelum ini bergantung kepada liputan vaksinasi turut dimansuhkan dan orang ramai kini dibenarkan merentas negeri tanpa mengira status vaksinasi mereka.

Sebelum ini, terdapat had kapasiti 50 peratus untuk aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai.

"Dengan pengumuman fasa peralihan ke endemik, had itu akan dimansuhkan secara menyeluruh."

"Tiada lagi had kapasiti 50

peratus. Namun, penjarakan fizikal sangat penting dan masih digalakkan."

"Penting untuk saya maklumkan, fasa 'peralihan ke endemik' ini adalah strategi keluar untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal, selepas hampir dua tahun berperang dengan COVID-19."

"Fasa ini juga menjadi fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik (sepe-nuhnya) yang mana ia tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)," katanya.

Ismail Sabri menjelaskan walaupun sejak beberapa minggu kebelakangan ini, jumlah kes harian COVID-19 meningkat secara mendadak akibat gelombang

Omicron, namun jumlah yang dikategorikan sebagai pesakit kategori 3, 4 dan 5 amat rendah iaitu hanya 0.7 peratus.

Katanya, jumlah pesakit COVID-19 yang perlu mendapatkan rawatan serta pemantauan di unit rawatan rapi (ICU) juga terkawal iaitu pada kadar 42 peratus penggunaan.

"Pada masa sama, sebahagian besar ahli Keluarga Malaysia telah menerima vaksinasi lengkap serta dos penggalak menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), PICK Remaja dan PICKids."

"Sehingga 7 Mac 2022, kadar vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa di dalam negara ialah 98.7 peratus, manakala kadar vaksinasi dos penggalak bagi populasi dewasa ialah 64 per-

atus," katanya.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerajaan kepada seluruh ahli Keluarga Malaysia yang cekal, tabah, kuat semangat dan berdisiplin dalam mematuhi SOP serta menyokong setiap inisiatif kerajaan dalam memerangi COVID-19.

"Tanpa sumbangan Keluarga Malaysia, negara tidak akan boleh beralih ke fasa 'peralihan ke endemik'."

"Saya juga berterima kasih kepada semua Menteri Kuartet COVID-19 yang diketuai Hishammuddin atas usaha keras mereka demi memastikan usaha negara untuk pembukaan semula selamat untuk melangkah ke fasa ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes sembuh lebih 30,000 tempoh 2 hari

26,856 jangkitan baharu dicatat kelmarin, 368 pesakit dirawat di ICU

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bilangan kes sembuh pesakit COVID-19 merekodkan angka lebih 30,000 untuk tempoh dua hari berturut-turut, dengan kelmarin 30,726 lagi kes pulih daripada jangkitan virus itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu melebihi 26,856 kes baharu penularan COVID-19 yang dicatatkan kelmarin.

Pertumbuhan itu menjadikan sehingga kini, 3,311,854 individu sudah pulih sepenuhnya dari-

pada virus berkenaan berbanding 3,649,463 individu dijangkiti COVID-19 di negara ini.

Mengulas kes baharu, katanya 26,645 daripada jumlah itu membabitkan penularan tempatan dengan 211 lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Daripada jumlah kes baharu dikesan itu, paling tinggi membabitkan pesakit dalam kategori dua dengan 16,508 kes atau 61.47 peratus, diikuti kategori satu iaitu sebanyak 10,160 kes atau 37.83 peratus dikesan.

"Bagi kategori tiga pula membabitkan 81 kes, kategori empat (57 kes) dan kategori lima (50 kes). Secara keseluruhannya, daripada kategori tiga hingga lima membabitkan 103 kes, iaitu 54.79 peratus individu berusia 60 tahun dan ke atas," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas pecahan kes dalam kategori tiga hingga lima itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, 83 kes (44.15 peratus) membabitkan pesakit COVID-19 yang mampu-

nyai komorbid.

"Ia diikuti 80 kes daripada individu yang sudah mendapatkan dua dos vaksin, namun belum mendapatkan dos penggalak, tidak divaksin atau belum lengkap vaksin (63 kes), sudah terima dos penggalak (45 kes) dan ibu mengandung (tiga kes)," katanya.

Secara keseluruhannya, daripada jumlah kes aktif di negara ini terdapat 368 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 153 disahkan COVID-19 dengan 215 kes pula disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

"Bagi yang memerlukan alat bantuan pernafasan, setakat ini terdapat 223 kes meliputi 81 kes disahkan COVID-19 dengan 142 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan," katanya.

Mengenai kluster baharu penularan COVID-19, Dr Noor Hisham memaklumkan kelmarin pihaknya mengesan lapan kluster baharu, menjadikan sehingga kini 445 kluster masih aktif di negara ini.

NADMA pertimbang bantuan khas meninggal kesan Long COVID-19

Kuala Lumpur: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sedia mempertimbangkan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 kepada mereka yang meninggal akibat kesan Long COVID-19.

Bagaimanapun Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata ia boleh dipertimbangkan selama mana siji kematian yang dikemukakan memenuhi syarat ditetapkan.

"Syarat utama bagi bantuan ini adalah siji kematian yang dikemukakan hendaklah jelas tertulis COVID-19 sebagai sebab kematian.

"NADMA tiada halangan untuk mempertimbangkan bantuan ini kepada mereka yang meninggal akibat kesan 'long COVID-19' selama mana siji kematian yang dikemukakan memenuhi syarat yang ditetapkan," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Amiruddin Hamzah (Pejuang-Kubang Pasu) di Dewan Rakyat.

Mengulas lanjut, beliau ber-

kata, setakat 28 Februari lalu, NADMA sudah meluluskan sebanyak 17,867 permohonan yang layak dan lengkap dengan jumlah bayaran RM89,335 juta.

"NADMA tidak boleh mempertimbangkan pemberian bantuan kepada waris tanpa permohonan kerana pembayaran bantuan adalah melalui Electronic Fund Transfer (EFT) kepada akaun bank waris.



Abdul Latiff Ahmad

"Selain itu, lantikan atau pemilihan waris yang akan menerima bantuan terbit bagi pihak, perlu dipersetujui oleh kalangan ahli keluarga terlebih dahulu bagi mengelakkan timbulnya sebarang isu di pihak kerajaan," katanya.

NADMA pada Januari tahun lalu memaklumkan, waris kepada individu yang meninggal dunia akibat COVID-19 boleh membuat permohonan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 RM5,000.

NADMA memaklumkan bantuan wang tunai secara sekali bayaran itu akan diberikan kepada waris memenuhi syarat ditetapkan.

Ketua jabatan diminta ambil maklum pekiling baharu

Kuala Lumpur: CUEPACS meminta semua ketua jabatan mengambil maklum berkaitan pekiling baharu membabitkan kemudahan cuti kuarantin dan membuat pertimbangan rasional jika terdapat kakitangan memohon cuti berkenaan.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata usaha itu diharapkan penjawat awam yang terkesan dengan penularan COVID-19 selain mengurangkan risiko berlaku penutupan operasi perkhidmatan awam dalam kalangan kakitangan.

CUEPACS tidak mahu melihat kakitangan yang mempunyai anak kecil dijangkiti COVID-19 terpaksa datang ke pejabat walaupun mereka adalah kontak rapat dan perlu menjaga selain mendekati anak.

"Dengan usaha yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), ketua jabatan diingatkan untuk memudahkan urusan dan jangan terlalu mengamalkan birokrasi yang berlebihan. Pertimbangan juga perlu diberikan bagi kemudahan bekerja dari rumah (BDR) sekiranya kakitangan terabit boleh



Keratan akhbar BH, semalam.

melaksanakan kerja tersebut di rumah," katanya.

BH semalam melaporkan JPA menyenaraikan penyakit berjangkit yang ketujuh iaitu berkaitan COVID-19, permohonan cuti tambahan di dalam pekiling JPA bagi memudahkan cuti kuarantin penjawat awam negara, berkuat kuasa Jumaat lalu.

Keputusan menambah senarai penyakit berjangkit itu diputuskan JPA pada Jumaat lalu, akan diedarkan kepada semua penjawat awam termasuk jabatan berkuasa berkanun serta pihak berkuasa tempatan (PBT) semalam.

Selain senarai ketujuh, antara yang ditambah baik menerusi pekiling baharu itu adalah pindaan cuti kuarantin untuk menjaga anak yang dikuarantin atau

memerlukan penjagaan, kadar tempoh cuti serta keperluan tempoh cuti tambahan.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, pelaksanaan itu pastinya memberi kelegaan kepada ibu bapa yang bekerja untuk menjaga anak yang didapati positif, namun harus diingatkan penjawat awam tidak mengambil kesempatan menggunakan cuti kuarantin bagi tujuan tidak sepatutnya.

Katanya, langkah JPA yang tidak mengkhususkan penyakit COVID-19, tetapi menggunakan terma 'lain-lain penyakit berjangkit' juga menunjukkan kesiapsiagaan pentadbiran kerajaan untuk menghadapi situasi di luar jangka pada masa hadapan tanpa perlu mengeluarkan pekiling baharu sekiranya muncul wabak berjangkit lain.

Sebelum ini, senarai penyakit bagi kemudahan cuti kuarantin yang diperuntukkan melalui Pekiling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) adalah penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), demam denggi dan denggi berdarah, campak (measles), cacar air (chicken-pox), difteria dan malaria.

Putrajaya: Sejumlah 77 kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmarin termasuk 26 membabitkan kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Menerusi data dikongsi COVIDNOW, pertambahan jumlah itu menjadikan sehingga kini 6,895 kes kematian dilaporkan sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Kes BID paling tinggi dikesan di Kedah dengan tujuh kes, diikuti empat kes masing-masing di Johor dan Kelantan, tiga di Negeri Sembilan, masing-masing dua di Sabah, Selangor, Kuala Lumpur serta masing-masing satu kes di Perak dan Pulau Pinang.

Mengenai jumlah kematian di laporan semalam pula, data menunjukkan 77 kes direkodkan semalam termasuk kematian tertunggak, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini meningkat kepada 33,305 kes.

Mengikut perincian, Johor merekodkan angka tertinggi dengan 13 kes kematian, diikuti 12 di Kedah, serta masing-masing enam kes di Kelantan dan Terengganu.

26 daripada 77 kes mati luar hospital kelmarin

Selain itu, masing-masing lima kes dikesan di Negeri Sembilan dan Sabah, empat kes masing-masing di Melaka dan Perak, tiga kes masing-masing di Pahang dan Labuan serta masing-masing dua kes di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

COVIDNOW turut melaporkan 1,026,732 kanak-kanak di negara ini atau 28.9 peratus individu berusia lima hingga 11 tahun di negara ini, sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Sejumlah 23,025 dos vaksin diberikan dalam Program Imunisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak (PICKids).

Bagi pemberian imuniti itu kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun, setakat semalam sebanyak 5,782,906 pelaiian sudah diberikan.

Daripada jumlah itu, 2,931,709 dos atau 94.2 peratus golongan berkenaan sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos dengan 91 peratus bersamaan 2,831,197 bagi dos kedua.

Pemberian dos penggalak ke atas individu berusia 18 tahun ke atas pula kini mencecah 63.8 peratus atau 15,017,166 dos.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19



SEORANG kanak-kanak ditemani bapanya ketika menerima suntikan vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Axiata Arena, Bukit Jalil.

Oleh Noorazura Abdul Rahman
 am@hmetro.com.my

Alor Setar

Sebanyak 93.4 peratus atau 142 daripada 152 kes kematian disebabkan Covid-19 di Kedah berlaku dalam kalangan individu yang belum menerima suntikan vaksin dos penggalak.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Othman Warjo berkata, kes kematian itu berdasarkan data diperoleh pihaknya bermula 1 Januari lalu hingga Sabtu lalu.

Beliau berkata, daripada 152 kematian berkenaan, sebanyak 41 kes adalah membabitkan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

"Jumlah BID di Kedah sangat tinggi. Jumlah penduduk 18 tahun ke atas yang mengambil suntikan vaksin dos penggalak pula

Catat 152 kematian di Kedah

93.4% individu meninggal dunia akibat jangkitan Covid-19 tiada dos penggalak

masih rendah iaitu 49 peratus sehingga kelmarin (Ahad).

"Setakat Rabu minggu lalu, sebanyak 57.1 peratus daripada kalangan warga 60 tahun ke atas dan 51.6 peratus golongan dewasa dengan komorbiditi belum

menerima dos penggalak.

"Pada masa sama 73.3 peratus penerima vaksin Sinovac sudah mengambil dos penggalak di negeri ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Di samping itu, Dr Othman berkata, pihaknya ber-

harap individu dewasa terutama yang berumur 60 tahun ke atas dan penerima vaksin Sinovac serta individu yang mempunyai komorbiditi segera mendapatkan vaksin.

"Mereka yang ada masalah seperti obesiti, darah tinggi, diabetes, sakit jantung, paru-paru dan buah pinggang boleh mendapatkan suntikan penggalak di mana-mana pusat pemberian vaksin (PPV) sedia ada.

"Mereka boleh pilih vaksin sama ada jenis Pfizer atau Sinovac. Bagaimanapun mereka digalakkan mengambil dos penggalak jenis Pfizer kerana ia didapati lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, bagi individu yang positif Covid-19 dan berumur 60 tahun ke atas dan memiliki komorbiditi, mereka perlu memantau gejala seperti yang dinasihati dalam MySejahtera.

Rekod 188 kes babit kategori 3 hingga 5

Kuala Lumpur: Hanya 188 daripada 26,856 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin, membabitkan kategori tiga hingga lima, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau memaklumkan baki 26,668 kes baharu pula terdiri daripada kategori satu dan dua, sekaligus menjadikan kumulatif kes positif Covid-19 negara berjumlah 3,649,463.

Manakala 30,726 kes sembuh dilaporkan kelmarin menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,311,854.

"Daripada 188 kes Covid-19 kategori tiga hingga lima itu, 63 kes melibatkan

individu tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi. 80 kes telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak.

"Sebanyak 45 kes telah menerima dos penggalak, 103 kes melibatkan individu berumur 60 tahun dan ke atas, 83 kes mempunyai komorbiditi dan tiga kes ibu mengandung," katanya.

Sementara itu, 725 kes atau 38.8 peratus daripada 1,869 kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital, kelmarin membabitkan kategori tiga hingga lima, manakala 1,144 kes atau 61.2 peratus adalah kategori satu dan dua.

Cadang bantuan khas mangsa Long Covid-19

Kuala Lumpur: Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) sedia mempertimbangkan Bantuan Khas Pengurusan Kematian Covid-19 kepada mereka yang meninggal akibat kesan Long Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, ia boleh dipertimbangkan selama mana siji kematian dikemukakan memenuhi syarat ditetapkan.

"Syarat utama bagi bantuan ini adalah siji kematian dikemukakan hendaklah tertulis Covid-19

sebagai sebab kematian.

"Nadma tiada halangan untuk mempertimbangkan bantuan ini kepada mereka yang meninggal akibat kesan Long Covid-19 selama mana siji kematian yang dikemukakan memenuhi syarat ditetapkan," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan Datuk Amiruddin Hamzah (Pejuang-Kubang Pasu) di Dewan Rakyat semalam.

Katanya, setakat 28 Februari lalu, Nadma meluluskan 17,867 permohonan dengan jumlah bayaran sebanyak RM89,335 juta.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

Oleh Izwan Abdullah
 am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Setakat Ahad lalu, hanya seorang kanak-kanak di Sabah yang sudah lengkap dua dos suntikan vaksin Covid-19 manakala 62,851 lagi baru menerima satu dos suntikan.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah, Datuk Seri Masidi Manjun berkata, jumlah kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun yang tampil menerima vaksin setakat ini hanya 15.2 peratus daripada keseluruhan jumlah golongan berkenaan di Sabah.

Katanya, pada Ahad lalu

Hanya seorang lengkap 2 dos

Kanak-kanak usia 5 hingga 11 tahun terima vaksin sekadar 15.2 peratus di Sabah

saja, 1,591 kanak-kanak menerima vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di seluruh negeri.

"Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 6 Mac lalu berdasarkan data daripada Pick Sabah adalah 10,941 orang.

"Daripada jumlah ini, 8,365 adalah penduduk dewasa, 90 remaja dan 1,591 kanak-kanak," katanya pada

kenyataan, malam kelmarin.

Menurut beliau, jumlah penduduk Sabah yang sudah menerima dua dos lengkap vaksin setakat 6 Mac lalu adalah 2,414,319 orang.

Daripada jumlah itu, 2,100,462 atau 77.32 peratus adalah penduduk dewasa.

"Bagi kanak-kanak pula, 62,851 atau 15.28 peratus sudah menerima satu dos vaksin manakala seorang kanak-kanak lengkap dos vak-

sin setakat semalam (Ahad)," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menggesa ibu bapa di Sabah supaya tampil membawa anak-anak mendapatkan vaksin memandangkan Sabah antara negeri terendah vaksinasi kanak-kanak setakat ini.

Sementara itu, menurut beliau, Sabah kelmarin mencatat 1,235 kes baharu Covid-19, turun 280 kes ber-

banding 1,515 kes yang dilaporkan sehari sebelum itu.

Lima kematian dilaporkan iaitu dua kes di Ranau dan masing-masing satu kes di Keningau, Kalabakan serta Kuala Penyu.

Seramai 3,494 pesakit pula dilaporkan sembuh kelmarin, manakala 1,313 pesakit sedang menerima rawatan di hospital dan Pusat Kuarentin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC), termasuk

60 individu memerlukan penjagaan kritikal.

"Seramai 18 bayi berumur bawah setahun dan 55 kanak-kanak berumur setahun hingga empat tahun yang belum layak divaksin dijangkiti Covid-19 di Sabah semalam (kelmarin).

"Semalam juga, 64 kanak-kanak berumur lima tahun hingga 11 tahun, kebanyakannya belum mendapat vaksin, turut dijangkiti Covid-19," katanya.

Layak dapat cuti jaga anak dikuarantin

Putrajaya: Kakitangan kerajaan yang mempunyai anak dijangkiti penyakit berjangkit termasuk Covid-19 layak mendapat cuti menerusi Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan, berkuat kuasa 4 Mac lalu.

Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan adalah pindaan daripada Kemudahan Cuti Kuarentin yang dilaksanakan sejak 1 Januari 2017.

Dalam satu surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah kepada semua ketua jabatan memaklumkan, menerusi pindaan itu pegawai kerajaan boleh mendapatkan cuti maksimum lima hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan diberikan Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta.

an atau swasta.

"Bagi pegawai memerlukan tempoh tambahan boleh memohon Cuti Rehat atau Cuti Rehat Khas atau cuti lain berkelayakan.

"Selain itu, apabila keadaan pegawai itu mengizinkan dan berupaya melaksanakan tugas di rumah, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan Bekerja Dari Rumah (BDR)," katanya.

Bagaimanapun, cuti berkenaan hanya layak diberikan kepada kakitangan terabit sekiranya anak mereka mendapat perakuan mengenai penyakit berjangkit itu daripada Pegawai Perubatan Kerajaan mahupun swasta untuk dikuarentin atau diasingkan.

Menerusi cerai surat edaran itu, ia memaklumkan syarat anak dikuarantin mesti berumur 18 tahun ke bawah dan jika masih belajar di bawah 21 tahun.

Membeli-belah patuh SOP



ORANG ramai mengamalkan langkah berjaga-jaga dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dengan sentiasa memakai pelitup muka ketika berkunjung di Pusat Beli-Belah GM Klang. - Gambar/FAIZ ANUAR

Abang Johari positif coronavirus

Miri: Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg disahkan positif Covid-19 malam kelmarin, kata Menteri Pembangunan Kesejahteraan-Wanita, Kanak-Kanak dan Masyarakat negeri, Datuk Seri Fatimah Abdullah.

Fatimah mengumumkan demikian ketika berucap pada sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sarawak 2022 di Hotel Pullman Miri di sini, semalam.

"Beliau (Tan Sri Abang Johari) memohon maaf kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini (semalam) kerana tidak dapat merasmikan acara berkenaan bagi mengiktiraf peranan wanita ini," jelasnya.

Menurut Fatimah, beliau menerima berita Abang Johari disahkan positif Covid-19 jam 9 malam kelmarin.

Fatimah dalam pada itu meminta rakyat Sarawak berdoa supaya Abang Johari segera sembuh.

30,726 individu pulih Covid-19 kelmarin

Putrajaya: Kes sembuh di negara ini melepasi angka 30,000 dua hari berturut-turut apabila 30,726 individu disahkan pulih jangkitan Covid-19 kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu sekali gus melebihi kes baharu penularan Covid-19 dicatatkan kelmarin.

Perkembangan itu menjadikan hingga kini 3,311,854 individu pulih sepenuhnya daripada virus berkenaan.

Mengulas mengenai kes baharu kelmarin, Dr Noor Hisham berkata, angkanya kekal di bawah 30,000 iaitu dengan 26,645 kes baharu

dilaporkan.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan hingga kini 3,649,463 individu pernah dijangkiti Covid-19 di negara ini.

"Kes baharu dilaporkan semalam (kelmarin) memabihkan 26,645 kes penularan tempatan dengan 211 kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Daripada jumlah kes baharu dikesan itu, paling tinggi memabihkan pesakit dalam kategori 2 dengan 16,508 kes atau 61.47 peratus, ia diikuti kategori satu iaitu 10,160 kes (37.83 peratus) dikesan," katanya.

60,941,494 dos diberi kepada individu dewasa

Putrajaya: Sebanyak 1,026,732 kanak-kanak di negara ini atau 28.9 peratus individu berusia lima hingga 11 tahun sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Menerusi data dikongsi COVIDNOW semalam, sebanyak 23,025 dos vaksin diberikan dalam Program Imunisasi COVID-19 untuk Kanak-kanak (PICKids).

Bagi pemberian imuniti kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 5,762,906 pelajian sudah diberikan sehingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, sebanyak 2,931,709 dos atau 94.2 peratus golongan berkenaan sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu suntikan dos manakala 91 peratus bersamaan 2,831,197 menerima dos kedua.

"Pemberian dos penggalak pula mencecah 63.8 peratus atau 15,017,166 dos kepada individu berusia 18 tahun keatas.

"Data menunjukkan, secara keseluruhan,

sebabnya, sebanyak 60,941,494 dos vaksin sudah diberikan kepada individu dewasa di negara ini," katanya.

Menurutnya, data menunjukkan terdapat sebanyak 77 kes kematian akibat Covid-19 kelmarin termasuk kes kematian tertunggak.

Perkembangan itu sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini meningkat kepada

33,305 kes.

Daripada jumlah kes kematian dilaporkan itu, sejumlah 13 kes kematian dilaporkan di Johor, diikuti 12 kes di Kedah, masing-masing enam kes di Kelantan dan Terengganu.

Selain itu, masing-masing lima kes dikesan di Negeri Sembilan dan Sabah, empat kes masing-masing di Melaka serta Perak dan tiga kes masing-masing di Pahang dan Labuan serta masing-masing dua kes di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (dua kes).

Sebanyak 77 kes kematian kelmarin termasuk kes kematian tertunggak

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEGARA

Omicron kini sudah jadi 'sahabat' kita



Analisis Semasa

Bersama
**AHMAD
 SHAHERMAN
 SHAMSURI**

TANPA kita sedari, lebih 10 peratus rakyat di negara ini sudah dijangkiti Covid-19 (koronavirus) sejak penularannya pada November 2019 lalu.

Berdasarkan data sehingga semalam, jumlah kumulatif kes Covid-19 sebanyak 3,649,463 manakala kes harian 26,856 kes.

Jika kita imbau kembali sejarah bermulanya pandemik ini, kes pertama jangkitan dikesan di China pada 17 November 2019.

Menurut akhbar tempatan negara terbabit, pihak berkuasa telah mengenal pasti kira-kira 266 individu dijangkiti seawal bulan November beberapa minggu sebelum pengumuman rasmi tentang wabak itu dibuat.

Mengikut laporan itu lagi, seorang individu berusia 55 tahun dari wilayah Hubei menjadi individu pertama disahkan positif Covid-19.

Di Malaysia, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menerima tiga kes (dua di Sabah dan

satu di Selangor) disyaki dijangkiti Covid-19 (2019-nCoV) pada 23 Januari 2020.

Keesokan harinya, KKM memaklumkan lapan kontak rapat kepada kes pertama 2019 yang ketika itu dikenali (nCoV) di Singapura berada di Johor Bahru dan dikuarantin.

Manakala pada 25 Januari 2020, Menteri Kesihatan (ketika itu), Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mengesahkan kes pertama 2019-nCoV membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari.

Rentetan itu, Covid-19 ini terus menganas di negara kita sehingga ribuan nyawa terkorban dek virus 'durjana' ini.

Menurut data yang dikeluarkan KKM, setakat 7 Mac, angka korban terkini sebanyak 33,305 dan kematian di luar hospital brought in death (BID) pula 6,895.

Meskipun angka ini semakin membimbangkan, namun pada pandangan penulis, rakyat kita seolah-olah leka terutamanya berkaitan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang masih dilaksanakan ketika ini.

Lihat sahaja di kawasan-kawasan tumpuan ramai umpamanya pasar-pasar malam, penjarakan sosial memang 'kelaut', berhimpit-himpit di tempat awam, pelitup muka pula hanya di dagu.

Selain mengabaikan SOP, ramai juga terperangkap dengan 'momokan' sesetengah individu supaya tidak mengambil dos penggalak (booster) kerana bagi mereka varian Omicron ketika ini tidak berbahaya.

Bagaimanapun, telahan geng anti vaksin itu nyata bercanggah dengan kenyataan Naib Presiden Medical Mythbusters Malaysia (M3), Dr. Amirul Amzar yang memaklumkan Omicron masih mampu membunuh walaupun tidak seteruk varian Delta.

Jelas Amirul, walaupun varian ini tidak 'separah' Delta, namun pada golongan tua, komorbiditi dan kurang daya tahan badan, ia amat berisiko dan berbahaya.

Selain itu, katanya, varian ini juga menular jauh lebih pantas berbanding varian sebelumnya sehingga menyebabkan kes meningkat dengan sangat drastik.

"Malah, varian Omicron ini ada mutasi yang banyak termasuk pada 'spike protein', menyebabkan ia boleh menjangkiti mereka yang dah divaksin dan yang pernah dijangkiti sebelum ini.

"Sebab itu semua kena ambil booster dan patuh SOP," katanya.

Menjelaskan lagi mengenai varian Omicron, Amirul berkata, sekiranya rakyat terus leka, tidak mustahil kes melonjak hingga 50,000 dan mungkin sehingga 100,000 kes sehari berdasarkan trend terkini jangkitan Omicron.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Sempadan negara dibuka semula

KUALA LUMPUR - Sempadan negara akan dibuka semula pada 1 April ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, langkah itu selari dengan perancangan memasuki fasa peralihan ke endemik dan pengumuman yang paling dinanti-nantikan rakyat ini akan merancakkan semula ekonomi negara secara keseluruhan khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

"Dengan pembukaan semula sempadan negara ini, rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah kini boleh keluar masuk negara seperti biasa serta dibenarkan untuk pergi ke mana-mana negara yang turut membuka pintu sempadannya kepada pengembara luar.

"Dalam masa yang sama, rakyat negara luar dengan dokumen perjalanan yang sah juga boleh melakukan pergerakan keluar masuk ke Malaysia tanpa perlu lagi memohon MyTravelPass yang akan dimansuhkan," katanya pada sidang media khas di Bangunan Parlimen di sini pada Selasa.

Beliau berkata, mereka hanya perlu memuat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera serta melengkapkan Pre-Departure Form melalui fungsi "Traveller" dalam aplikasi MySejahtera.

Ismail Sabri berkata, individu yang

telah menerima vaksinasi lengkap tidak perlu menjalani kuarantin dan hanya perlu melalui ujian pengesanan Covid-19 RT-PCR dua hari sebelum berlepas serta ujian RTK-Ag (profesional) dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan.

Beliau berkata, ini adalah prosedur wajib dipatuhi rakyat Malaysia dan pengembara luar yang ingin masuk ke Malaysia, mengambil kira situasi penularan Covid-19 terutama gelombang Omicron yang masih melanda negara dan kebanyakan negara di seluruh dunia.

Menurutnya bagi status vaksinasi lain seperti tidak menerima vaksin atas sebab perubatan dan tidak menerima sebarang vaksinasi, perincian mengenai prosedur berkenaan akan diumumkan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Ismail Sabri berkata, senarai prosedur operasi standard (SOP) yang terperinci bagi prosedur di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) di darat dan laut juga akan dikeluarkan Kementerian berkaitan dalam masa terdekat.

Mengenai keputusan pembukaan semula sempadan, beliau berkata, ia dibuat berdasarkan kepada tiga perkara asas iaitu berpandukan sains dan fakta terkini, berkaitan Covid-19, membandingkan keperluan pembukaan sempadan di negara lain serta memberi keselesaan kepada pengembara dan tidak merumitkan perjalanan mereka. - *Bernama*



Pengembara asing tidak lagi perlu memohon MyTravelPass untuk memasuki Malaysia bermula 1 April ini.

Fasa peralihan ke endemik

Bermula 1 April selepas ambil kira pelbagai faktor

Oleh DIANA AZIS dan RAJA NUR FAZNE AIDA

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia akan memasuki fasa peralihan ke endemik mulai 1 April ini.

Ismail Sabri berkata, keputusan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor, melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta meneliti syor daripada menteri berkaitan.

"Fasa peralihan ke endemik ini merupakan *exit strategy* untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang normal selepas hampir dua tahun berperang dengan Covid-19.

"Fasa ini juga merupakan fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik, tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO)," katanya dalam sidang akhbar khas di Bangunan Parlimen pada Selasa.

Mengulas lanjut Ismail Sabri berkata, had waktu operasi bagi premis perniagaan turut dimansuhkan dan pemilik premis dibenarkan menjalankan perniagaan mengikut syarat lesen masing-masing.

"Ini bermakna anda semua bolehlah makan di kedai makan selepas jam 12 tengah malam, terutamanya pada bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi. Bolehlah bersahur di luar.

"Namun pemakaian pelitup muka di

INTI PATI FASA ENDEMIK

- Pembukaan sempadan negara.
- Pemakaian pelitup muka masih diwajibkan.
- Solat jemaah di masjid dan surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat selain Islam boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal.
- Had waktu operasi bagi premis dimansuh dan dibenarkan beroperasi 24 jam tertakluk syarat lesen.
